

SUKAN ASIA

Silat patut diterima

5 MAR 1989

Oleh OTHMAN MAMAT

SILAT olahraga yang menjadi sebahagian daripada acara Sukan SEA, mungkin dimasukkan pula dalam senarai acara pertandingan pada Sukan Asia akan datang.

Usaha ke arah itu sedang giat dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk meminta penganjur sukan terbesar di Asia itu memasukkan silat olahraga dalam senarai acara sukan itu.

Menterinya, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata langkah memasukkan silat olahraga dalam acara Sukan Asia, sejajar dengan pengiktirafannya di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, sukan itu bukan lagi asing kepada dunia

kerana pada beberapa kejohanan antarabangsa, peserta negara-negara Barat turut mengambil bahagian dan menunjukkan kebandalan mereka.

"Tidak ada sebab penganjur Sukan Asia tidak boleh menerima silat olahraga bagi dipertandingkan kerana ia diterima oleh dunia," katanya di Temerloh, semalam.

Beliau berkata, silat olahraga yang diperkenal dan dipertandingkan menerusi Kejuaraan Silat Kebangsaan pada hujung 1987 itu, turut disenaraikan dalam Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos ini.

Selubungan itu, Datuk Sabbaruddin meminta guru silat olahraga di seluruh negara berusaha melahirkan lebih ramai pesilat berbakat bagi menandingi pesilat luar negara dalam pelbagai kejuaraan yang diadakan.

"Kita tidak mahu selepas silat mendapat pengiktirafan antarabangsa, pesilat negara terus ketinggalan berbanding pesilat luar negara, terutama negara-negara Barat yang baru mengenali bidang sukan itu," katanya.

Sementara itu, beliau meminta pengurusan silat menghentikan pertelagahan sesama sendiri, sebaliknya meningkatkan kerjasama menganjurkan perhimpunan dan pelbagai strategi untuk melahirkan pesilat di kalangan remaja.

B. Minggu (M)

Katanya, dengan cara itu pengurusan silat dapat meneliti dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan setiap pengurusan supaya dapat diperkembangkan dalam usaha mengukuhkan penguasaan pesilat tanahair.